

Isu dana judi PN: Anwar pertahan kenyataan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertahankan kenyataannya berhubung dakwaan Perikatan Nasional (PN) memperoleh dana judi untuk berkempen semasa Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Anwar berkata, beliau tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan sekiranya tidak mempunyai asas berhubung dakwaan sebelum ini.

Katanya, Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu meneliti secara lengkap kenyataannya terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan.

“Baca kenyataan benar-benar lengkap dan baharu ambil tindakan. Tapi, kalau dia nak bawa terus, silakan, saya tidak akan keluar kenyataan kalau tiada asas,” katanya selepas menyempurnakan pelancaran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur Ke-40 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Sebelum ini, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh meminta Anwar memohon maaf selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



ANWAR Ibrahim (tengah) menyempurnakan pelancaran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur Ke-40 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek (dua dari kiri). - MINGGUAN/AMIR KHALID

(SPRM) menggugurkan siasatan terhadap dana judi yang didakwa digunakan PN semasa kempen PRU15.

Mengulas lanjut, Anwar mengesahkan siasatan berhubung dana tersebut diteruskan dan melibatkan pelbagai agensi.

“Tentu (masih berjalan). Ia melibatkan banyak agensi. Bila

dah ada bukti baharu, barulah akan diambil tindakan berikutnya. Biar agensi lain buat siasatan seterusnya,” katanya.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat memaklumkan siasatan SPRM tidak

dapat membuktikan dakwaan mengatakan PN menerima dana daripada syarikat perjudian untuk berkempen dalam PRU15.

Bagaimanapun, Azalina kelmarin tampil memberi penjelasan lanjut dan mengatakan jawapan bertulis itu tidak menyatakan siasatan SPRM berhubung dakwaan itu sudah dihenti atau digugurkan.